

05 SEP 1997

Mahathir-Budaya

ORANG MELAYU PERLU BENTUK BUDAYA BARU UNTUK LEBIH MAJU: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata orang Melayu yang merupakan bangsa separuh maju boleh menjadi bangsa maju dengan mengamalkan budaya yang sesuai bagi mencapai kemajuan dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam.

Apa yang menjadi penghalang kepada orang Melayu untuk maju dan mencapai cita-citanya bukanlah Islam tetapi budaya yang dibentuk oleh orang Melayu sendiri yang dianggap secocok dengan Islam tetapi sebenarnya tidak, katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan dasar presiden ketika merasmikan perhimpunan agung Umno di sini hari ini yang berkisar sepenuhnya tentang faktor-faktor kemunduran bangsa dan budaya yang perlu dipupuk dan dibentuk untuk menjadi maju.

Dr Mahathir berkata Umno perlu menjadi peneroka dan pelopor dalam usaha membentuk budaya maju kerana "Jika Umno tidak berani menunjukkan contoh baik, percayalah bangsa kita akan menjadi mundur, ditinggal zaman, diketawakan orang dan dihina".

"Kita bukan angkuh tetapi tiada parti atau pertubuhan lain boleh dan berpeluang membentuk budaya baru bagi orang Melayu supaya mereka dapat menghadapi cabaran dunia moden, terutama di zaman teknologi maklumat yang tidak mengenal sempadan antara negara-negara," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam menghadapi cabaran dunia moden, orang Melayu harus mempunyai kepercayaan diri dan tidak mudah kecewa dalam mengejar sasaran dan tidak menipu diri dengan psikologi "anggur masam" apabila sasaran tidak tercapai.

Orang yang bersikap "anggur masam" cuba menidakkan keburukan keadaan mereka dengan berkata kepada diri sendiri bahawa kekayaan, kekuatan, kecekapan, dan ilmu yang ada pada orang lain itu tidak membawa apa-apa kebaikan dan bermacam-macam lagi cara penipuan diri untuk menutup kekecewaan mereka.

Sementara ada daripada kalangan orang yang kecewa bertindak seperti kanak-kanak merosakkan harta benda dengan beralih kepada terrorisme (keganasan) dan ekstrimisme (pelampau) seperti di beberapa negara Islam yang menghadapi masalah keganasan oleh puak ekstrimis agama, kata beliau.

Dr Mahathir bersyukur semakin ramai orang Melayu yang mempercayai "kita boleh" dan sememangnya pun "kita boleh walaupun belum dalam segala bidang yang dicuba lakukan tetapi insyallah dengan ketekunan, semangat belajar dan mencuba berkali-kali sehingga boleh".

"Apakah yang kurang pada kita?. Daripada segi fizikal, mental dan semangat, kita tidak berbeza daripada bangsa-bangsa yang maju. Yang berbeza ialah budaya kita, sistem nilai hidup kita dan tamadun yang telah kita bena," kata Dr Mahathir.

Beliau menegaskan bahawa budaya orang Melayu berbeza dengan budaya maju. "Umpamanya, kita sanjung kerajinan. Tetapi kita tahu kita kurang rajin. Jika kita buat sesuatu, kita tidak bersungguh-sungguh sehingga betul-betul berjaya, sehingga hasil kerja kita bermutu amat tinggi. Kita mudah puas hati dengan hasil kerja kita".

Orang Melayu, katanya, perlu membentuk budaya mementingkan kualiti dan budaya mengkaji seperti orang Barat yang dapat dilihat antaranya dari segi bangunan yang mereka dirikan dapat tahan lebih 1,000 tahun dan bagaimana mereka memperkembangkan ilmu membuat perahu daripada kayu kepada pembuatan kapal daripada besi.

"Kita tidak jadikan pelayaran sebagai satu ilmu yang dikaji, diselidiki dan dicatat untuk dipelajari dan digunakan oleh sesiapa sahaja yang ingin belajar. Kita tidak sediakan peta pelayaran secara terperinci. Kita agak-agak sahaja." katanya.

Beliau juga memberi contoh sikap orang Jerman yang berbudaya mengkaji sehingga apabila mereka disuruh menulis tentang nyamuk, dapat menghasilkan beberapa jilid buku tebal sehingga melahirkan ilmu perubatan tentang penyakit-penyakit yang dibawa oleh nyamuk.

"Jika tidak kerana orang lain yang berlainan budaya mengkaji selidik, kita mungkin menerima penyakit malaria di negara kita sebagai sesuatu yang semula jadi atau lebih buruk lagi kita salahkan Tuhan," katanya.

Perdana Menteri juga membandingkan budaya penyelidikan terbuka Barat dengan sifat bomoh Melayu. Sementara penyelidik barat menulis hasil penyelidikan dalam jurnal sains dan memberi manfaat kepada orang ramai, tabib Melayu bukan sahaja tidak membuat kaji selidik, tetapi menyembunyikan resipi ubatan mereka dan apabila mereka mati, orang yang hidup selepas mereka tidak dapat manfaatnya.

"Mungkin kita fikir perbezaan budaya tidak penting. Tetapi sebenarnya perbezaan-perbezaan inilah yang menentukan siapa yang maju dan siapa yang tidak. Soalnya apakah dapat kita menerima dan mengamalkan budaya yang boleh memajukan kita," katanya.

Orang Melayu, atau Iban dan Kadazan tidak akan menjadi kurang Melayu atau Iban dan Kadazan jika mereka menerima aspek-aspek tertentu dalam budaya asing.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata budaya orang Melayu (yang diamalkan sekarang) tidaklah semuanya tidak sesuai kerana jika ia 100 peratus tidak sesuai, sudah tentu orang Melayu tidak sampai ke tahap sekarang.

Mengenai Islam, Dr Mahathir menghuraikan peranan Islam yang pernah menjadikan Arab jahiliah daripada bangsa yang amat mundur kepada bangsa maju yang mendirikan sebuah empayar yang hampir meliputi seluruh dunia apabila Islam mengubah budaya orang Arab secara radikal.

Orang Arab ketika itu bukan sahaja dapat menguasai ilmu sains, ilmu hisab, ilmu alam dan ilmu-ilmu lama milik orang Yunani dan Rumawi, tetapi juga menerokai ilmu baru seperti pelayaran, astronomi, aljibra dan logarithm dan mencatatkan hasil kajian mereka sehingga ramai saintis dari Eropah datang mempelajari ilmu di madrasah-madrasah mereka.

Apa yang dicapai oleh orang Arab ketika itu membuktikan bahawa tidaklah benar dakwaan bahawa agama Islam adalah untuk akhirat semata-mata, katanya.

Tetapi pada hari ini, katanya, bangsa Arab dianggap mundur walaupun mereka masih menganuti Islam bukan kerana agama dan budaya Islam sudah tidak sesuai dengan keadaan di zaman moden ini tetapi kerana banyak daripada ajaran Islam sudah mereka tinggalkan.

Umpamanya, mereka kembali kepada cara jahiliah berperang sesama sendiri dan ilmu yang dikatakan bukan berkenaan dengan Islam, tidak lagi dituntut.

"Sebaliknya yang diberi tumpuan dan dititikberatkan ialah perkara-perkara kecil yang tidak berkesan dalam memajukan ummah atau mempertahankan mereka."

Walaupun Islam membebaskan wanita daripada budaya Arab jahiliah, ketidakadilan kepada wanita sudah kembali sehingga ada yang berkata semua masalah sosial adalah disebabkan oleh wanita, kata Perdana Menteri.

Dengan itu, katanya, percubaan dibuat untuk mengasingkan mereka supaya mereka tidak dapat menggoda lelaki tetapi lelaki tidak menjadi lebih baik kerana tindakan ini.

"Kita malu menyebut tetapi di negara kita jenayah tertentu yang disebabkan oleh nafsu lebih kerap berlaku di kalangan orang Melayu (Islam) daripada orang bukan Melayu.

"Ajaran Islam tidak salah. Yang salah kita lebih mengutamakan soal

aurat daripada kesan menutup aurat terhadap moral kita...," katanya.

-- BERNAMA

ZKS RON